



GAJAH (யானை) DALAM PERIBAHASA TAMIL: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

(Elephant (யானை) in Tamil Proverbs: Inquisitive Semantics Analysis)

Tangaprabu Murthy^{1*}, Mary Fatimah Subet¹

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: tangaprabu@gmail.com

Received: 29 May 2020 • Accepted: 26 October 2020 • Published: 31 October 2020

Abstract

The culture and the intellect of the community can be seen through figurative language, especially proverbs. However, society is less aware of the culture elements that are hidden behind each proverbs. Therefore, This study was conducted to identify the implicit meaning of the Tamil proverbs with the image of an elephant (yanai) and to look at the cultural influence and intellect of the community analyzed using the inquisitive semantic approach introduced by Nor Hashimah Jalaluddin. Fifteen informants were selected and interviewed via NORF sampling leading to Non-Mobile, Older, female and NORM which is Non-Mobile, Older, Male. The results show that each proverb is used based on several factors such as history, religion, culture and so on. In fact, the results also indicate that there is a high degree of intellect in the creation of this elephant-inspired proverbs.

Keywords: Tamil proverbs, inquisitive semantics, Indian community, animal, elephant (yanai)

Abstrak

Budaya dan akal budi sesebuah masyarakat dapat dilihat melalui bahasa kiasan contohnya peribahasa. Walau bagaimanapun, masyarakat kurang mengetahui unsur budaya yang tersembunyi di sebalik setiap penciptaan sesebuah peribahasa. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti makna implisit di sebalik peribahasa Tamil yang mempunyai imej gajah (yanai) dan melihat pengaruh budaya serta akal budi masyarakat India. Kajian ini menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin bagi menganalisis datanya. Lima belas orang informan yang dipilih dan ditemu bual secara mendalam melalui persampelan bertujuan. Pemilihan informan adalah secara NORF iaitu merujuk kepada Non Mobile, Old, Remote dan Female dan NORM merujuk kepada

Non-mobile (tinggal tetap), Older (tua), Rural (luar bandar), Male (lelaki). Hasil kajian mendapati bahawa setiap peribahasa digunakan berdasarkan beberapa sebab seperti sejarah, agama, budaya dan sebagainya. Malah, hasil turut menunjukkan bahawa terdapat unsur akal budi yang tinggi dalam penciptaan peribahasa yang berunsur gajah ini.

Kata kunci: Peribahasa Tamil; semantik inkuisitif; masyarakat India; haiwan; gajah (yanai)

Cite as: Murthy, T., Subet, M. F. (2020). Gajah (*ஐந்தெருது*) dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif, *Asian People Journal*, 3(2), 134-146.

PENDAHULUAN

Peribahasa sebenarnya mempunyai pelbagai fungsi. Contohnya, peribahasa digunakan sebagai peringatan, nasihat dan kritikan serta amaran untuk tujuan kebaikan kepada seseorang. Oleh hal yang demikian, masyarakat India juga gemar menggunakan peribahasa Tamil yang dalam percakapan seharian baik di negara India mahupun di Malaysia. Seperti peribahasa Melayu, peribahasa Tamil juga meliputi simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah yang merupakan sebahagian daripada warisan orang India yang perlu dipelihara kerana kaya dengan nilai-nilai positif dan menjadi sebahagian daripada usaha untuk memartabatkan bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, kajian terhadap peribahasa Tamil adalah kurang dijalankan di Malaysia jika dibandingkan dengan kajian peribahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian ini menjurus kepada penerokaan makna di sebalik penggunaan peribahasa Tamil yang mempunyai imej haiwan iaitu gajah secara lebih mendalam. Kajian ini akan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014).

SOROTAN LITERATUR

Antara pengkaji lepas yang menjalankan kajian mengenai peribahasa Tamil ialah Beck (1979), Percival (1996), Geetha dan Kamatchi (2010), Ragavan dan Salleh (2015) serta Sellvaraj dan Annamalai (2019). Kebanyakan pengkaji ini menjuruskan kajian mereka pada makna harfiah dari aspek-aspek yang berbeza. Melihat kajian Ragavan dan Salleh (2015) lebih terarah kepada perbandingan peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil untuk menampakkan persamaan serta perbezaan antara kedua-dua bahasa dalam aspek sosial. Persamaan itu dilihat melalui tiga aspek sosial iaitu aspek tingkah laku, pemikiran, serta nilai murni. Semua peribahasa yang dipilih mempunyai makna yang hampir sama dalam kedua-dua bahasa. Namun begitu, kajian ini hanyalah terhad kepada perbandingan antara dua peribahasa sahaja. Kajian sebegini dinamakan sebagai kajian semantik skrip.

Bagi kajian ini pula, pengkaji akan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014). Kajian semantik inkuisitif terus mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji terkini contohnya, Jalaluddin (2014), Daud (2017; 2018a; 2018b; 2018c; 2020), Subet dan Nasir (2019) serta Daud dan Subet (2019a; 2019b; 2019c; 2019d). Dari sorotan kajian lepas kajian peribahasa yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif ini lebih terarah kepada peribahasa Melayu. Contohnya, kajian Mansor dan Jalaluddin (2016) menumpukan kepada bidang semantik inkuisitif tetapi, kajian ini mengambil data bahasa kiasan yang merangkumi

peribahasa, perumpamaan dan simpulan bahasa yang menjadi sebahagian daripada penggunaan dalam cara hidup masyarakat Melayu. Penelitian diberi dalam pemilihan peribahasa-peribahasa Melayu yang berunsurkan deria rasa dan asosiasinya serta melihatnya dari segi semantik inkuisitif. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Daud (2018b) pula mengkaji penggunaan leksikal ayam (*Gallus gallus domestics*) sebagai objek dan musang (*paradoxurus hermaphroditus*) sebagai suatu imej dalam peribahasa Melayu. Kajian ini bersifat kualitatif yang melibatkan data sekunder serta menggunakan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu susunan Hussain (2016). Pengkaji menggunakan lima peribahasa Melayu yang berasosiasi dengan leksikal ayam dan musang. Terdapat juga usaha daripada pengkaji lepas seperti Murthy dan Subet (2018a; 2018b) serta Murthy, Subet dan Daud (2019a; 2019b; 2019c) yang sudah mula mengkaji peribahasa Tamil menggunakan pendekatan semantik inkuisitif ini, tetapi lebih berfokus kepada imej tumbuhan seperti rumput, tebu, terung dan sebagainya. Selain itu, kajian Murthy dan Subet (2019) turut menganalisis peribahasa Tamil yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif tetapi, data peribahasanya adalah berunsurkan haiwan seperti katak dan anjing. Bertitik tolak daripada soorotan kajian lepas ini, pengkaji akan memfokuskan data peribahasa Tamil yang berimej gajah sebagai sumber datanya, di samping mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014).

OBJEKTIF KAJIAN

Oleh itu, secara khususnya objektif kajian ini seperti berikut:

- a) Mengetahui pasti makna implisit di sebalik penggunaan peribahasa Tamil yang menggunakan imej gajah.
- b) Menganalisis dan menghuraikan pengaruh budaya dan akal budi dalam peribahasa Tamil yang mempunyai imej gajah menggunakan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Sebanyak 11 peribahasa Tamil yang mempunyai imej gajah telah diperolehi. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual secara mendalam. Seramai 15 orang informan mempunyai pendidikan bahasa Tamil. Pendidikan bahasa Tamil di sini bermaksud seseorang yang mampu menulis, membaca dan dapat bertutur bahasa Tamil dengan fasih. Seramai lapan orang informan merupakan orang tua yang berada dalam lingkungan umur 60 hingga 80 tahun. Persampelan seperti ini menggunakan pemilihan informan secara NORF yang merujuk kepada Non Mobile, Old, Remote dan Female. Menurut Teck, Suri & Aman (2016) dalam Razali, Deli & Daud, (2018; 2019), pemilihan informan berdasarkan NORF iaitu Non-mobile (tinggal tetap), Older (tua), Rural (luar bandar) dan Female (Perempuan) lebih sesuai di Malaysia berbanding NORM. Walau bagaimanapun, pengkaji turut menggunakan pemilihan informan secara NORM iaitu Non-mobile (tinggal tetap), Older (tua), Rural (luar bandar), Male (lelaki). Informan lelaki dan perempuan telah diambil kira. Hal ini adalah untuk mewujudkan keseimbangan data antara lelaki mahupun perempuan. Seramai lapan orang informan merupakan perempuan dan seramai tujuh orang informan merupakan lelaki. Pemilihan informan sebegini juga turut diaplikasikan oleh pengkaji lepas seperti Daud, Wahid dan Gedat (2017; 2018), Wahid dan Daud (2018) serta Ritos dan Daud (2020). Pengkaji juga akan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) dalam menganalisis peribahasa Tamil. Semantik inkuisitif merupakan satu pendekatan yang mengaitkan bahasa, budaya, kognitif serta akal budi. Selain daripada itu, pendekatan tahap ini menumpukan kepada persoalan mengapa sesuatu pola bahasa digunakan sehingga boleh

menjawab falsafah penggunaannya. Semantik inkuisitif ini dapat mencungkil makna tersirat secara lebih mendalam serta tidak terhenti di peringkat kognitif sahaja malah lebih daripada itu sehingga mendapat satu jawapan mengapa imej haiwan tersebut digunakan dalam peribahasa tersebut.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pengkaji mengaitkan peribahasa dengan pemikiran masyarakat India pada zaman dahulu sehingga menyebabkan mereka mencipta peribahasa yang berunsur nasihat, kritikan dan sebagainya yang diguna pakai sehingga kini. Konsep semantik inkuisitif digunakan dalam mengkaji makna implisit di sebalik peribahasa yang mempunyai imej gajah. Pengkaji memperoleh 11 data yang dikutip mempunyai imej gajah dalam peribahasa Tamil. Berikut merupakan contoh peribahasa Tamil yang berimej gajah.

Jadual 1: Peribahasa Tamil Berunsurkan Gajah

Imej Haiwan	Peribahasa Tamil	Makna	Makna literal
Gajah (யானை)	1. யானை வரும் பின்னே மணியோசை வரும் முன்னே	Kita akan mendapat amaran atau tanda-tanda sebelum menghadapi sesuatu kecelakaan.	Yanai varum pinne, mani osai varum munney.
	2. யானைக்கும் அடி சறுக்கும்	Semua orang akan melakukan sesuatu kesilapan dalam hidup. Kesilapan itu lumrah dalam hidup.	Yanaikum adi sarukum

Jadual 1 ini hanya melibatkan peribahasa Tamil yang berimej gajah, makna peribahasa dan makna literal dalam bahasa Melayu sahaja. Apa yang terdapat dalam Jadual 1 ini hanya pada peringkat semantik skrip sahaja. Merurut Jalaluddin (2014), semantik skrip boleh difahami dengan cara makna diolah dan dari situ diberikan satu tafsiran mengenai apa yang hendak disampaikan. Walau bagaimanapun, pemberian makna peribahasa Tamil ini hanyalah bersifat dasar sahaja. Bagi mencungkil makna peribahasa ini dengan lebih mendalam satu pendekatan yang kukuh perlu diaplikasikan. Oleh itu, kajian ini akan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) bagi menghuraikan makna peribahasa ini berdasarkan data, kognitif, teori dan akal budi masyarakat India.

Analisis Data Peribahasa Tamil “Yanai Varum Pinne, Mani Osai Varum Munney”

Analisis tahap pertama: semantik skrip

Bagi memudahkan pemahaman pembaca, setiap leksikal dalam peribahasa ini akan diberikan terjemahan secara langsung dahulu.

Transkripsi Rumi	<u>Yanai</u>	varum	pinne	mani	osai	varum	munney
Terjemahan langsung	Gajah	datang	belakang/ selepas	loceng	bunyi	datang	hadapan/ sebelum

Analisis tahap 1 menunjukkan terjemahan peribahasa ‘*Yanai varum pinne, mani osai varum munney*’ iaitu bunyi loceng akan kedengaran sebelum datangnya si gajah itu. Peribahasa ini membawa maksud harfiah bahawa seseorang akan mendapat amaran atau tanda-tanda sebelum menghadapi sesuatu perkara yang buruk. Walau bagaimanapun, tahap 1 tidak dapat mencapai satu makna sebenar melalui penterjemahan atau maksud harfiah sahaja. Oleh hal yang demikian, peribahasa ini perlu melalui analisis pada peringkat kedua iaitu pengkajian dari segi konteks dan bagi mengaitkannya dengan kognitif penutur.

Analisis tahap kedua: semantik resonans

Analisis tahap dua menunjukkan bahawa terdapat pelbagai sebab di sebalik pemilihan gajah (yanai) itu. Tahap kedua ini akan mengaitkan pemilihan leksikal dalam peribahasa ini dengan keupayaan kognitif penciptanya. Analisis peringkat semantik resonans ini akan mengaitkan data, teori dengan keupayaan kognitif dalam penghasilan peribahasa ini. Dengan tatacara analisis data daripada TR Sperber dan Wilson (1986) (terjemahan Jalaluddin, 1999), makna tersirat peribahasa ini akan dapat dikesan. Keupayaan kognitif, kesan kognitif, konteks dan usaha memproses inilah yang merupakan 4 fokus utama tatacara analisis makna yang dihajati dalam TR. Selain itu, pengkaji akan turut melihat kepada maklumat anteseden atau maklumat tambahan yang diperoleh dengan aplikasi RRS yang turut menjadi satu cara untuk mendapat maklumat tambahan yang disarankan dalam TR. RRS dapat diaplikasikan apabila para pendengar mempunyai rujukan yang berasal daripada pengalaman atau pengetahuan sedia ada mereka tentang imej gajah yang digunakan dalam peribahasa ini. RRS akan memudahkan pendengar untuk mendapatkan perkaitan yang unggul kenapa imej gajah digunakan dalam penciptaan peribahasa ini.

Contoh ayat:

1. Keluarga Siva perlu bersedia untuk mendapatkan restu kerana bunyi loceng sudah kedengaran.

Situasi ini sama seperti ‘*Yanai varum pinne, mani osai varum munney*’

Rujukan tambahan seperti ‘bersedia untuk mendapatkan restu’ dan ‘bunyi loceng sudah kedengaran’ membantu pembaca/pendengar untuk memahami maksud peribahasa tersebut walaupun tidak tahu makna sebenar peribahasa tersebut. Peribahasa ini ditujukan khas kepada masyarakat yang tinggal berdekatan dengan kuil-kuil di India.

Analisis Rangka Rujuk Silang:

Pembaca/pendengar memerlukan rujukan yang berasal daripada pengalaman yang sedia ada untuk menginterpretasikan makna peribahasa ini untuk mendapatkan relevan yang optimum. Oleh hal yang demikian, RRS atau konteks andaian yang mungkin dibentuk oleh pendengar ialah:

1. Bersedia untuk mendapatkan restu daripada gajah kuil.

Andaian ini dibentuk berdasarkan anteseden loceng yang terdapat pada ayat pertama. Hal ini disebabkan

masyarakat India tahu bahawa hanya gajah yang dipelihara di kuil sahaja akan digantungkan loceng pada lehernya.



Rajah 1: Rantai loceng pada leher gajah
(Sumber: Koleksi peribadi pengkaji.)

Oleh hal yang demikian, imej “loceng” jika dalam konteks masyarakat India secara abstrak menjadikan pendengar mengaitkannya dengan perkara yang positif berdasarkan pengalaman sepanjang hidup mereka.

Analisis Relevans

Berdasarkan konteks atau andaian yang dibuat melalui maklumat anteseden dalam contoh ayat tersebut dan gambar gajah di kuil yang dikalungkan loceng telah dijadikan maklumat konteks untuk mentafsir makna sebenar yang dihajati dalam peribahasa ‘*Yanai varum pinne, mani osai varum munney*’.ini. Maklumat konteks yang diperoleh tidaklah banyak, namun kesan kognitif yang diperoleh sangat tinggi. Hal ini kerana penutur mudah sahaja memproses ayat ini dengan keupayaan kognitif yang sedia ada. Dalam TR, semakin tinggi kesan kognitif dengan konteks yang sedikit, usaha memproses makna juga rendah. Jika ini berlaku, maka kesahan makna daripada ayat itu semakin tinggi.. Hal ini sejajar dengan tuntutan TR iaitu menurut TR, sesuatu ujaran yang relevans ialah ujaran yang hanya memerlukan kos memproses yang rendah tetapi kesan kognitifnya tinggi. Daripada kesan kognitif yang tinggi inilah, interpretasi sebenar sesuatu ujaran sama ada lisan atau bukan lisan diperoleh. (Subet, 2010). Maka, jelas masyarakat India dalam hal ini dilengkapi dengan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada bahawa gajah merupakan haiwan yang besar dan mampu mendatangkan kecederaan kepada mereka jika ia naik minyak.

Berdasarkan pengalaman juga, mereka tahu bahawa jika gajah dari kuil itu datang, maka masyarakat harus bersedia untuk mendapat restu. Hal ini kerana dalam anutan agama Hindu mereka, mereka sememangnya tahu bahawa gajah di kuil pasti akan merestui masyarakat di sekelilingnya jika ia dibawa keluar dari kuil. Sehubungan dengan itu, usaha yang diperlukan untuk memproses peribahasa tersebut amat tinggi. Bertitik tolak daripada konteks tersebut, pendengar secara langsung akan mengetahui hubungan antara fungsi bunyi loceng dan imej gajah itu. Walau bagaimanapun, analisis tahap semantik resonans ini cuma mengaitkan data, teori dan keupayaan

kognitif penutur-pendengar dalam menghubungkan imej-imej berkenaan. Dalam pendekatan semantik inkuisitif, makna harus diterokai lagi dengan analisis peringkat ketiga kerana analisis peringkat ketiga ini lebih lengkap apabila dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Kenapa imej berkenaan dipilih masih belum terjawab sepenuhnya. Maka, peringkat analisis kedua atau analisis semantik resonans ini masih tidak cukup untuk mencungkil makna yang ingin disampaikan dalam peribahasa tersebut. Oleh hal yang demikian, analisis inkuisitif harus dilaksanakan untuk mendapatkan makna sebenar penggunaan imej haiwan tersebut.

Analisis tahap ketiga: semantik inkuisitif

Dari segi konteks, masyarakat India menggunakan imej haiwan gajah dalam peribahasa tersebut kerana haiwan ini amat berkait rapat dengan kehidupan seharian mereka. Merujuk hal ini, kebanyakan kuil di negara India memelihara haiwan seperti, gajah (Yanai), lembu (maadu), burung merak (mayil), ayam (seval) dan sebagainya. Sesetengah haiwan itu hanya dipelihara untuk menarik perhatian para penganutnya seperti burung merak. Walau bagaimanapun, gajah pula dipelihara di kuil untuk mengangkat barang-barang (rujuk Rajah 2).



Rajah 2: Seekor gajah sedang melakukan kerja-kerja mengangkat barang
(Sumber: Koleksi peribadi pengkaji.)

Selain itu, gajah digunakan untuk tujuan memberi restu kepada para penganut yang datang ke kuil. Hal ini disebabkan gajah dianggap sebagai Tuhan mengikut kepercayaan masyarakat India. Oleh hal yang demikian, masyarakat mempunyai kepercayaan bahawa jika mendapat restu daripada gajah yang berada di kuil, maka

mereka akan mendapat berkat.



Rajah 3: Seekor gajah yang dipelihara di sebuah kuil di India memberi restu kepada penganut yang datang untuk semayang (Sumber: Koleksi peribadi pengkaji)

Gajah yang dipelihara di kuil biasanya akan dijaga kebersihannya serta akan disapu *vibhuti* (*scared ass*) pada dahi serta muka gajah. Gajah yang dipelihara di kuil itu diberi nama *kuil yanai*. *Kovil yanai* ini akan diberi makan serta dijaga dengan baik.



Rajah 4: *Kovil yanai* menikmati makanannya di kuil (Sumber: Koleksi peribadi pengkaji)

Merujuk Rajah 4, terdapat seutas rantai loceng pada leher gajah. Masyarakat India akan menggantungkan seutas rantai yang mempunyai loceng pada leher gajah. Hanya gajah yang dipelihara di kuil dan jinak sahaja dikalungkan loceng pada lehernya. Hal ini bermakna gajah yang datang dalam kelompok kehidupan masyarakat itu merupakan gajah yang jinak dan dipelihara. Loceng pada leher gajah akan berbunyi apabila gajah menggelengkan kepala atau apabila ia berjalan. Bunyi loceng menunjukkan kedatangan gajah ke sesuatu tempat. Jika gajah datang berhampiran dengan rumah, masyarakat dapat mengesan kehadirannya sebelum ia sampai dengan bunyi loceng itu. Bunyi loceng itu akan memudahkan masyarakat untuk bersedia untuk mendapat restu daripada gajah. Bunyi tersebut juga menjadi satu tanda amaran kepada masyarakat di sekeliling kuil tersebut. Jika gajah naik minyak, maka ia akan mula mengamuk serta berlari ke sana sini. Oleh hal yang demikian, bunyi loceng mampu menjadi amaran kepada masyarakat supaya mencari tempat yang selamat. Oleh sebab masyarakat India memelihara gajah di kuil, maka adalah tidak mustahil untuk mereka mengetahui ciri-ciri dan sifat gajah itu. Terserlah akal budi atau keintelektualan masyarakat India yang menggunakan imej gajah ini dalam penciptaan peribahasa “*Yanai varum pinne, mani osai varum munney*”. Masyarakat India melihat kepada ciri-ciri fizikal gajah itu. Ciri fizikal terbut memotivasikan masyarakat India dalam penciptaan peribahasa tersebut.

Selain penjelasan di atas, masyarakat India juga menggunakan imej haiwan gajah kerana pelbagai sebab. Gajah digunakan untuk mengangkat barang-barang yang berat seperti kayu, mengangkat pokok yang tumbang dan sebagainya. Di samping itu, imej gajah digunakan dalam peribahasa tersebut kerana saiz haiwan tersebut dan membandingkan saiz yang besar itu dengan masalah yang dihadapi oleh seseorang. Masyarakat India ingin menunjukkan bahawa walaupun masalah yang akan dihadapi atau bahaya yang akan menimpa itu besar, seseorang itu masih dapat menyelesaikannya kerana orang tersebut akan mendapat amaran atau tanda-tanda awal sebelum ditimpa sesuatu musibah.

Selain itu, faktor geografi juga mempengaruhi pemilihan imej haiwan tersebut dalam penciptaan peribahasa. Menurut Bist (2002), India mempunyai jumlah gajah liar Asia yang tertinggi yang dianggarkan sebanyak 26,000 hingga 28,000, iaitu hampir 60% daripada populasi spesies tersebut. Oleh hal yang demikian, populasi tersebut menyebabkan masyarakat menggunakan khidmat gajah untuk memudahkan kerja mereka. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan masyarakat mencipta peribahasa menggunakan imej haiwan gajah kerana menurut informan, kebiasaannya, masyarakat akan memilih imej-imej yang berada di sekeliling mereka, baik dari segi imej tumbuhan mahupun imej haiwan sebagai contoh untuk mencipta peribahasa.

Aspek agama serta kepercayaan juga memainkan peranan yang penting dalam pemilihan imej haiwan gajah dalam penciptaan peribahasa ini. Bagi masyarakat India, gajah dilihat sebagai Tuhan mengikut kepercayaan mereka. Dewa gajah dipanggil sebagai *Lord Ganesh*, malah terdapat satu hari yang istimewa untuk *lord Ganesh* yang dipanggil sebagai *Ghanesh Chaturthi*. Menurut Agarwal dan Kallapur (2018) perayaan *Ganesh Chaturthi* merupakan satu perayaan yang popular dalam kalangan masyarakat Hindu. Hari tersebut disambut sempena hari lahir dewa gajah, *Ganesh* di negara India. Menurut Agarwal dan Kallapur (2018) melalui kajiannya terhadap *Hinduism and the Tribal Religions, Encyclopedia of Indian Religions*.

It is a 10-day festival that commence on chaturthi (the forth day) of the Shukla Paksha (waxing moon) in the month of Bhadrapada and ends on Anant Caturdashi (the fourteenth day) of the waxing moon period according to the Hindu lunar calendar. It usually falls in August or September. It is a day celebrating the creation of a little boy, Ganesh, by his mother, Parvati, as a personal gana (attendant). Popular belief that Ganesh visits earth

during these 10 days to bless his devotees. Although the festival is observed with great enthusiasm all over India, it is particularly celebrated in Maharashtra and it is also called Vinayaka Chaturthi.

Perayaan *Vinayaka Chaturthi* akan disambut sekali setiap tahun. Rajah 5 menunjukkan Tuhan yang mempunyai kepala gajah.



Rajah 5: Dewa Vinayagar

(Sumber:<https://www.99images.com/religious/lord-ganesha/latest-god-vinayagar-pillaiyar-ganpati-hd-photos-1080p-7kh/1442>)

Dengan yang demikian, masyarakat India mempunyai satu perhubungan yang amat rapat dengan gajah sejak zaman dahulu kerana masyarakat India menganggapnya sebagai Tuhan. Hal ini menyebabkan mereka menghormati gajah dan tidak akan mencederakannya dengan sewenang-wenangnya. Mereka percaya bahawa manusia yang mencederakan haiwan akan ditimpa dosa yang perlu ditanggung di alam akhirat. Hal ini secara

tidak langsung menyebabkan masyarakat India memilih imej haiwan gajah yang dekat dengan hati mereka serta mempunyai pelbagai kegunaan pada kehidupan untuk dijadikan contoh yang mudah dalam penciptaan peribahasa.

Persoalan lain yang timbul ialah mengapakah masyarakat India menggunakan loceng? Dari segi perspektif yang berbeza, loceng akan digunakan dalam kuil untuk upacara keagamaan. Masyarakat India mempunyai dua jenis loceng di kuil iaitu loceng yang besar dan satu loceng yang kecil. Kedua-duanya digunakan dalam upacara sembayang di kuil. Oleh yang demikian, mereka menggunakan loceng itu dan dikaitkan dengan gajah.

Sejarah menunjukkan bahawa asal usul orang India ini berasal dari Tanah Besar India. Oleh hal yang demikian, ketika mereka berhijrah ke negara Malaysia, mereka turut membawa budaya, agama, dan kepercayaan. Oleh itu, masyarakat masih menggunakan peribahasa tersebut walaupun masyarakat ini tidak membela gajah di Malaysia. Satu lagi sebab penggunaan peribahasa ini meluas kerana bahasa bersifat rencam dan akan diturunkan secara turun-temurun. Dengan yang demikian, penggunaan imej gajah amat berkait rapat dengan budaya, falsafah serta kognitif penutur. Sebab itulah, persoalan kenapa pemilihan sesuatu imej itu dapat dijawab dengan analisis semantik inkuisitif.

KESIMPULAN

Intihanya, kajian berkaitan imej haiwan ini menjadi satu sumber bukti bahawa pemikiran, akal budi dan budaya mempengaruhi sesuatu kaum dari pelbagai sudut baik dari segi kelakuan mahupun kehidupan (Daud, Wahab & Lokman, 2018). Melalui kajian ini juga, pengkaji mendapati bahawa setiap peribahasa yang dicipta oleh masyarakat dahulu mempunyai unsur budaya dan akal budi masyarakat tersebut. Setiap pemilihan imej itu mempunyai sentuhan budaya dan berkait rapat dengan aka budi masyarakat tertentu. Melalui analisis yang telah dilakukan, kedua-dua objektif kajian ini telah dicapai sepenuhnya. Kajian ini juga membuktikan bahawa setiap peribahasa mempunyai makna implisit yang begitu dalam sifatnya. Kajian ini juga diharap menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain yang melakukan kajian terhadap peribahasa berpandukan pendekatan semantik inkuisitif.

RUJUKAN

- Abdullah, N. A., & Daud, M. Z. (2020). Pemaknaan semula sinonim leksikal “nepotisme” berteraskan data korpus: Analisis pragmatik. *LSP International Journal*, 7(1), 61–79.
- Adenan, K. M., Kayad, F. G., & Daud, M. Z. (2018). Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastera Indie: Karya Anwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*. 3(1), 106-121.
- Agarwal, R. & Kallapur, S. (2018) Cognitive risk culture and advanced roles of actors in risk governance: A case study, *The Journal of Risk Finance*, 19 (4), 327-342,
- Beck, B. E. (1979). Body Imagery in the Tamil Proverbs of South India. *Western Folklore*, 12(1), 21-41.
- Bis, S. S. 2002. The Status of the Domesticated Elephants in India. *Journal of Indian Veterinary Association Kerala*, 7(1), 4–7.
- Daud, M. Z. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif*. (Tesis sarjana muda).Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Daud, M. Z. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.

- Daud, M. Z. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Daud, M. Z. (2018c). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS MultiDisciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43-52.
- Daud, M. Z. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif*. (Tesis sarjana). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019a). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019b). "Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik": Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019c). *Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Poster session presented at Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Daud, M. Z., & Subet, M. (2019d). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 108-136.
- Daud, M. Z., & Subet, M. (2020). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang mempertalikan politik tempatan: Analisis pragmatik. *Issues in Language Studies*, 9(2).
- Daud, M. Z., Wahap, N. H., & Lokman, M. N. (2018). Analisis semiotik peribahasa Banjar bersumberkan ular (serpentes). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 1-7.
- Daud, M. Z., Wahid, M. S. N. A., & Gedat, R. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1), 87-105.
- Daud, M. Z., Wahid, M. S. N. A., & Gedat, R. (2018). Penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 8(1), 27-40.
- Daud, M. Z., & Wahid, M. S. N. A. (2019). Persembahan hadrah di Sarawak: Pendekatan etnografi komunikasi. *Sains Humanika*, 11(2), 47-55.
- Geetha, V., & Kamatchi, B. (2010). Code mixing and code switching in Tamil proverbs. *Language in India*, 10(5).
- God vinayagar (pillaiyar, ganpati) latest HD photos/wallpapers (1080p)* [Photograph]. (2019). Retrieved from <https://www.99images.com/religious/lord-ganesha/latest-god-vinayagar-pillaiyar-ganpati-hd-photos-1080p-7kh/1442>
- Hussain, A. (2016). *Kamus istimewa peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalaluddin, N. H. (Trans.). (1999). *Relevans: komunikasi & kognisi* (1st ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mansor, N. A. W., & Jalaluddin, N. H. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi*, 32(1), 189-206.
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2018a). Imej Rumput dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 7(1).
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2018b). Imej Tebu dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif (Sugar Cane images in Tamil Proverbs: A Semantic Inquisitive analysis). *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), f24-29.
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2019). Imej Katak (துவளை) dalam Peribahasa Tamil : Analisis Semantik Inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 4 (1), 31-41.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019a). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1), 73-80.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019b). Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora)*, 3(2), 117-129.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019c). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *The International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*, 7(2), 70-88.

- Parameswaran, G. (2016). *Languages and the Tamil terms*. Scribd Publisher: India.
- Ragavan, R., & Salleh, C. I. H. (2015). Peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dari aspek sosial. *Journal of Business and Social Development* 3(1), 66-75.
- Razali, N. F. S. M., Deli, R. M., & Daud, M. Z. (2018). Asas Fonem Konsonan Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 8-24.
- Razali, N. F. S. M., Deli, R. M., & Daud, M. Z. (2019). Penelitian Dini Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan): Fonem Vokal. *Jurnal Sains Sosial@ Malaysian Journal of Social Sciences*, 4(1), 102-112.
- Ritos, S., & Daud, M. Z. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal*, 3(1), 64-83.
- Salleh, S. F., Yahya, Y., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2020). Analisis semantik leksikal dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal*, 3(1), 45-63.
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020a). Perwatakan dalam novel KOMSAS “Di Sebalik Dinara”: Analisis teori relevan. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 84-100.
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020b). Teori relevans dalam pembelajaran KOMSAS. *Borneo International Journal*, 2(4), 47-54.
- Sellvaraj, J. D., & Annamalai, M. D. M. (2019). Rumpai dalam peribahasa Tamil: Perspektif sains pertanian. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(3), 362-370.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell
- Subet, M. F. (2010). Interpretasi makna bahasa figuratif sebagai cerminan emosi: satu analisis teori relevans [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2018). Makna denotatif dan konotatif dalam slanga pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 29-49.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2017). *Semantik dan makna konotasi dalam slanga pelacur*. Kertas kerja ini dibentangkan semasa The International Conference on Language Studies 2017, Kuching (Riverside Majestic Hotel), Malaysia.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2016). “Giler” atau “Gile”: Slanga kata penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293-306. doi:10.31219/osf.io/jym6a
- Subet, M. F., & Nasir, M. R. M. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Teck, O. S., Suri, N. S. A., & Aman, R. (2016). Fonologi Subdialek Pulau Pinang: Satu kajian di Balik Pulau. *e-BANGI*, 11(1), 186-201.
- Wahid, M. S. N. A., & Daud, M. Z. (2018). Individu dan pemilihan dialek: Kajian kes di Kota Samarahan, Sarawak. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 11-21.